

28/07/1997

Kerjasama Asean mampu cegah spekulator wang

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara anggota Asean berganding bahu menentang spekulator mata wang boleh menjadi contoh kerjasama yang baik dalam konsep perkongsian pintar.

Pengerusi Bersama Majlis Penasihat Antarabangsa bagi Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) Tan Sri Tajudin Ramli, berkata kerjasama seperti itu akan bermanfaat jika ia dilaksanakan dengan berkesan.

Serangan spekulatif terhadap mata wang Asean sejak tiga minggu lalu menyebabkan nilainya berkurangan dengan ketara berbanding dolar Amerika dan mata wang utama lain di dunia.

Tajudin menyatakan rasa kesalnya terhadap tindakan spekulator itu yang hanya melihat sebahagian daripada segmen ekonomi untuk menyerang mata wang seperti di Malaysia, sedangkan di sebaliknya ekonomi negara masih mantap.

"Seluruh sistem ekonomi saling berkait...kita tidak boleh memandang setiap bahagian secara berasingan," katanya ketika memberi taklimat sebelum LID '97 yang dijangka dirasmikan oleh Dr Mahathir malam ini, di sini, semalam.

Beliau berkata, LID '97 dengan tema "Perkongsian Pintar Dalam Tindakan" akan menumpukan kepada empat bidang utama iaitu pengalaman syarikat dan antara syarikat, rangka kerjasama merentasi sempadan kebangsaan, teknologi bagi ekonomi membangun dan teknologi dalam perkhidmatan kewangan.

LID '97 akan dibahagikan kepada pelbagai sesi dialog yang kebanyakannya sesi tertutup antara ketua kerajaan dan tokoh korporat membentangkan idea serta mencari jalan bersama untuk maju dalam jangka panjang.

Dr Mahathir sendiri dijangka mengendalikan sesi "Teknologi Bagi Ekonomi yang Berkembang Pesat" dan juga forum dialog yang akan menekankan jalan untuk maju bagi perkongsian pintar berdasarkan kepada hasil perbincangan sebelum ini.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula dijadual menyampaikan ucapan dasar pada majlis makan malam bagi peserta pada Selasa.

Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin akan mempengerusikan sesi mengenai segitiga pertumbuhan dengan menyampaikan input berguna mengenai pengalaman Malaysia dalam konsep segitiga pertumbuhan serantau.

Tajudin berkata, Anwar yang juga Menteri Kewangan, mungkin menjelaskan bagaimana perkongsian pintar berfungsi melalui rundingan antara kerajaan dan sektor swasta dalam merumuskan belanjawan tahunan. - Bernama

(END)